



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PROJEK PEMBINAAN SEMULA
BANGUNAN PASAR AWAM DAN PUSAT PENJAJA, MUKIM 1,
BANDAR SEBERANG JAYA

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

16 JUN 2022 (KHAMIS)

**TAPAK PROJEK PEMBINAAN SEMULA BANGUNAN PASAR AWAM
DAN PUSAT PENJAJA
SEBERANG JAYA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Nurul Izzah binti Anwar

Ahli Parlimen Permatang Pauh

Encik Aziz bin Bakar

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP

Ketua-ketua Bahagian PDC

Encik Lim Beng Keong

Pengarah

Zubicon Development Sdn Bhd

Para Jemputan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada hari ini di Majlis Pelancaran Projek Pembinaan Semula Bangunan Pasar Awam Dan Pusat Penjaja, Mukim 1, Bandar Seberang Jaya.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh a/l Karpal Singh, Yang Berhormat Nurul Izzah binti Anwar, Dif-Dif Jemputan, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang terlibat dalam penganjuran majlis pada hari ini.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Sekalian

Untuk makluman semua, Pasar Awam dan Pusat Penjaja Seberang Jaya yang sedia ada di atas tanah milik Kerajaan Negeri dan juga PDC dengan keluasan keseluruhan adalah sebanyak 12.4742 ekar telah berusia lebih daripada 30 tahun. Kerajaan Negeri berhasrat untuk membangunkan semula bangunan Pasar Awam dan Pusat Penjaja sedia ada dengan kos pembangunan berjumlah lebih kurang RM19,500,000.00.

Untuk itu, seramai 255 peniaga penyewa di pasar awam asal telah dipindahkan dan ditempatkan di Pasar Awam Sementara Seberang Jaya pada 18 Mei 2019. Pengurusan bagi Pasar Awam Sementara Seberang Jaya adalah dibawah pengurusan Zubicon Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, proses bagi temuduga kemasukkan penyewa adalah di bawah seliaan MBSP dan dibantu oleh pengurusan Zubicon. Kadar bayaran sewaan bagi Pasar Awam Sementara Seberang Jaya diberi pengurangan sebanyak 50% dan kadar sewaan bagi pasar awam baru akan dikembalikan kepada kadar sewaan yang sedia ada iaitu mengikut kadar sewaan bagi pasar awam kategori satu.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Sekalian

Pembangunan Pasar Awam Seberang Jaya melibatkan Pasar Awam dan Pusat Penjaja satu (1) tingkat, Tapak Street Mall dan Tapak Letak Kereta Terbuka di bawah rentis. Bangunan pasar yang baru akan menyediakan sebanyak 262 petak di kawasan pasar dan penjaja serta tambahan 220 di Street Mall menjadikan keseluruhannya 482 ruang niaga untuk semua penjaja di pasar baru.

Pasar awam ini juga dijangka akan menyelesaikan isu lalulintas serta kesesakan kawasan meletak kenderaan dan menjadikan ruang niaga serba moden dan selesa untuk pengunjung dan peniaga. Dengan pelaksanaan projek pembangunan semula ini diharap dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di kawasan Bandar Seberang Jaya, seterusnya bagi kawasan Seberang Perai Tengah (SPT). Secara tidak langsung, pembinaan semula Bangunan Pasar Awam dan Pusat Penjaja Seberang Jaya akan dapat meningkatkan persekitaran yang lebih kondusif dan mampan, di samping memberikan keselesaan bukan sahaja kepada para peniaga tetapi juga kepada para penduduk di kawasan ini.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Sekalian**

Projek pembangunan Pasar Awam Seberang Jaya menandakan satu lagi peristiwa penting dalam pertumbuhan dan kemajuan negeri, terutamanya di Seberang Perai. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PDC dalam merealisasikan pembangunan semula projek ini untuk menjadikan **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** dan untuk memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencapai visi *Penang 2030: “A Family Focused Green Smart State That Inspire The Nation”*.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh**

Sekian, terima kasih.